

Peranan Al-Quran dalam Pembentukan Emosi Sosial Remaja

The Role of the Quran in the Formation of Social Emotions Teenagers

Amrina Rasyada Kamaruzaman^{1*}, Nur Aina Mardhiah Che Rahim¹, Siti Nuroni Mohamed¹, Shahnun Haji Musa², Nursabila Ramli³

¹ Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah Studies,

Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730 Kota Bharu, Kelantan, MALAYSIA

² Faculty of Islamic Studies and Arabic Language,

Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Kelantan, MALAYSIA

³ Centre of Core Study,

Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Kelantan, MALAYSIA

*Corresponding Author: amrina.rasyada93@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2025.06.02.001>

Maklumat Artikel

Diserah: 1 Ogos 2025

Diterima: 11 November 2025

Diterbitkan: 20 Disember 2025

Kata Kunci

Al-Quran, emosi sosial, remaja, nilai moral

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneroka peranan Al-Quran dalam pembentukan emosi sosial dalam kalangan remaja dengan memberikan fokus kepada bagaimana ajaran Al-Quran dapat membentuk tingkah laku dan nilai sosial yang positif dalam kalangan anak muda pada masa kini. Remaja merupakan kelompok yang sedang mengalami fasa transisi dalam kehidupan. Mereka sering terdedah kepada pelbagai pengaruh luar yang tanpa disedari telah mempengaruhi dalam pembentukan nilai dan moral mereka. Dalam konteks ini, Al-Quran sebagai sumber utama ajaran Islam mempunyai potensi yang besar untuk memberikan panduan dalam membentuk etika sosial yang baik termasuk nilai-nilai seperti kejujuran, hormat, tanggungjawab dan kasih sayang. Kajian ini menganalisis ayat-ayat Al-Quran terpilih berkaitan aspek akhlak dan emosi serta bagaimana ajaran al-Quran dapat diterjemahkan dalam kehidupan seharian remaja melalui pendidikan, keluarga dan masyarakat. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan dengan meninjau kajian-kajian lepas yang berkaitan. Di samping itu, kajian ini juga akan menilai keberkesanan program dakwah dan pendidikan Islam dalam memupuk nilai-nilai ini dalam kalangan remaja. Hasil kajian ini dapat memberikan sumbangan dalam usaha meningkatkan kesedaran emosi sosial remaja dan memperkukuhkan penerapan ajaran Islam dalam kehidupan mereka.

Keywords

Al-Quran, social ethics, teenagers, moral values

Abstract

This study aims to explore the role of the Qur'an in shaping social emotions among adolescents, with a particular focus on how Qur'anic teachings can cultivate positive behaviours and social values in today's youth. Adolescents represent a group undergoing a transitional phase in life and are often exposed to various external influences that, consciously or unconsciously, shape their values and moral development. In this context, the Qur'an, as the primary source of Islamic teachings, holds significant potential in guiding the formation of sound social ethics, including values such as honesty, respect, responsibility, and compassion. This study analyses selected Qur'anic verses related to moral and emotional aspects and examines how these teachings can be translated into the daily lives of adolescents through education, family, and community engagement. Employing a library-based research design, this study reviews relevant past literature and further evaluates the effectiveness of Islamic educational and dakwah programmes in nurturing these values among youth. The findings of this study are expected to contribute to enhancing adolescents' social-emotional awareness and strengthening the application of Islamic teachings in their everyday lives.

1. Pendahuluan

Remaja merupakan aset negara dan harapan bangsa (Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, 2022). Remaja merupakan kelompok masyarakat yang sedang melalui fasa transisi penting dalam kehidupan daripada alam kanak-kanak menuju ke alam dewasa (Santrock, 2019). Dalam tempoh ini, remaja mengalami pelbagai perubahan fizikal, emosi dan sosial yang memerlukan panduan kukuh agar mereka dapat membentuk jati diri yang seimbang (Papalia & Martorell, 2021; Erikson, 1968). Dalam era yang serba mencabar ini, remaja merupakan kelompok yang paling terdedah dan menjadi tumpuan kepada pengaruh negatif seperti hedonisme, keruntuhan akhlak, individualisme serta krisis identiti (Kassim & Mohd Yusoff, 2018; Hashim & Yusof, 2017; Erikson, 1968).

Fenomena ini menggambarkan keretakan sistem nilai dan emosi sosial yang menjadi asas dalam pembentukan masyarakat yang harmoni (Hashim & Yusof, 2017). Justeru, timbul keperluan untuk melihat kembali kepada sumber utama dalam Islam, iaitu al-Quran, yang bukan sahaja sebagai kitab ibadah semata-mata tetapi juga sebagai panduan hidup yang menyeluruh termasuk dalam aspek pembentukan nilai dan etika sosial (Al-Attas, 1991; Kamali, 2008). Peranan al-Quran penting dalam membentuk kesejahteraan rohani dan emosi sosial remaja agar selaras dengan fitrah manusia dan kehendak Allah SWT (Ibn Kathir, 2000; al-Ghazali, 2015).

Sehubungan itu, kajian ini adalah fokus kepada perbincangan tentang peranan al-Quran dalam membentuk emosi sosial remaja dengan menelusuri ayat-ayat yang berkaitan dengan nilai-nilai akhlak dan sosial serta menghubungkan dengan realiti kehidupan remaja masa kini. Tumpuan diberikan kepada bagaimana al-Quran boleh menjadi sumber pendidikan nilai yang relevan dan berkesan dalam membentuk remaja Muslim yang bertanggungjawab, beradab dan berintegriti dalam kehidupan sosial mereka.

2. Sorotan Literatur dan Definisi

Islam merupakan agama yang cukup indah dan syumul dan diturunkan oleh Allah SWT melalui wahyu-Nya kepada Rasulullah SAW (Jasmi et.al 2017, Fuadi, A. 2018, Amrina et.al (2022). Setiap ketetapan di dalam Islam adalah jelas (Aina Mardiah et. al (2022). Sekiranya remaja tidak didedahkan dengan pendidikan agama seperti memahami serta menghayati prinsip asas tentang agama dengan berkesan, mereka akan lalai (Kamaruzaman, A.R & Nasir, K. (2022). Perintah solat misalnya, merupakan satu ibadah yang difardukan oleh Allah SWT juga menjadi didikan terhadap pembentukan interaksi sosial remaja (Nur Syuhada et. al (2024).

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) emosi bermaksud suatu perasaan di dalam jiwa yang kuat seperti sedih, gembira, takut, dan lain-lain. Ustman Najati M., (2001) pula menafsirkan emosi itu adalah satu perasaan yang mempunyai satu kaitan kuat antara sahsiah, tingkah laku dan sosialisasi seseorang manusia. Menurut Shahnun et.al (2022), nilai emosi sejahtera perlu diterapkan sejak kecil yang lengkap dengan didikan agama Islam yang sesuai dengan fitrah supaya menjadi seorang individu yang bersahsiah mantap.

Manakala maksud remaja merujuk kepada Kamus Pelajar Edisi Kedua dan Edisi Keempat ialah waktu muda iaitu mulai dewasa, sudah akil baligh atau sudah cukup umur untuk berkahwin. Nazim, A.M et.al (2013) dalam kajiannya telah menganalisis tentang aspek perkembangan remaja. Secara umumnya remaja adalah dalam lingkungan umur 12 hingga 21 tahun iaitu terbahagi kepada tiga bahagian pertama umur bermula 12 hingga 15

tahun iaitu diperingkat awal remaja, bahagian kedua bermula 15 hingga 18 tahun iaitu diperingkat pertengahan remaja dan bahagian ketiga bermula 18 hingga 21 tahun iaitu peringkat akhir remaja.

Waktu remaja adalah waktu setiap individu akan mengalami perubahan dan perkembangan bagi mencapai kematangan mental, emosi, sosial, fizikal dan pola peralihan kanak-kanak sehingga dewasa (Fitri., E. et.al (2018). Umami, I. (2019) dalam kajian menyatakan remaja akan melalui fasa perkembangan berdasarkan beberapa tingkah laku sama ada positif mahupun negatif. Perkara ini berlaku disebabkan waktu remaja adalah satu transisi dari masa kanak-kanak ke remaja. Namun perubahan ini sering kurang disedari oleh orang sekeliling remaja tersebut. Illahi, U., et.al. (2018) juga menyatakan dalam kajiannya bahawa remaja akan mengalami perubahan dari masa kanak-kanak sehingga menuju dewasa. Waktu remaja akan dipenuhi dengan peperangan emosi dan keseimbangan sehingga remaja mudah terpengaruh oleh orang sekeliling.

3. Skop dan Metodologi Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada peranan al-Quran dalam membentuk etika sosial, sahsiah, dan emosi positif dalam kalangan remaja. Skop kajian merangkumi analisis ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan nilai moral seperti kejujuran, hormat kepada ibu bapa, tanggungjawab sosial, kasih sayang, dan prinsip amar ma'ruf dan nahi munkar. Selain itu, kajian ini meninjau peranan institusi pendidikan Islam dan ibu bapa dalam memastikan penerapan nilai-nilai al-Quran berlaku secara praktikal dalam kehidupan remaja (Ibn Kathir, 2000; Al-Ghazali, 2015). Kajian ini juga merujuk kepada kajian akademik terdahulu mengenai pembangunan emosi remaja, interaksi sosial, dan pembentukan sahsiah sebagai asas bagi memahami keberkesanan nilai al-Quran dalam konteks semasa (Hashim & Yusof, 2017; Santrock, 2019).

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kepustakaan (library-based study) dan deskriptif. Pendekatan ini dipilih kerana kajian bertujuan untuk menganalisis ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan pembentukan emosi sosial remaja serta memahaminya dalam konteks pendidikan dan sosial remaja masa kini. Kajian kepustakaan membolehkan penyelidik meninjau literatur terdahulu, kitab tafsir muktabar, serta artikel akademik berkaitan topik kajian.

3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Data bagi kajian ini dikumpulkan melalui beberapa sumber, iaitu sumber primer Islamik, sumber sekunder akademik dan sumber tambahan. Sumber primer Islamik merangkumi ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan emosi sosial, nilai, dan etika remaja, serta kitab tafsir muktabar seperti Tafsir Ibn Kathir (Ibn Kathir, 2000) dan Tafsir Al-Jalalain (Al-Mahalli & As-Suyuti, 2006), yang memberikan pemahaman teks al-Quran secara mendalam untuk menilai konsep emosi sosial dan pembangunan nilai. Sumber sekunder akademik terdiri daripada artikel jurnal, buku, laporan penyelidikan dan tesis yang membincangkan pembangunan emosi remaja serta nilai sosial, termasuk sumber seperti Santrock (2019), Papalia dan Martorell (2021) serta Hashim dan Yusof (2017). Sumber tambahan pula melibatkan buku pendidikan Islam dan psikologi perkembangan remaja untuk mengaitkan teori moden dengan panduan al-Quran (Al-Attas, 1991; Kamali, 2008). Teknik pengumpulan data dilakukan dengan menyalin ayat-ayat al-Quran yang relevan beserta tafsirnya, menyusun artikel dan buku akademik mengikut tema seperti kejujuran, tanggungjawab, hormat dan kasih sayang, serta membuat nota tematik dan jadual analisis bagi memudahkan penyusunan dan pemahaman data.

3.3 Kaedah Analisis Data

Data yang dikumpulkan dianalisis secara kualitatif deskriptif dengan beberapa langkah. Pertama, analisis tematik digunakan untuk mengkategorikan ayat-ayat al-Quran dan literatur akademik mengikut tema nilai sosial dan emosi remaja, termasuk aspek seperti kejujuran, tanggungjawab, kasih sayang dan hormat (Santrock, 2019; Papalia & Martorell, 2021; Hashim & Yusof, 2017). Kedua, penafsiran kontekstual dijalankan untuk menghubungkan konsep al-Quran dengan keadaan semasa remaja serta cabaran sosial yang mereka hadapi (Ibn Kathir, 2000; Al-Mahalli & As-Suyuti, 2006). Ketiga, perbandingan dengan kajian lepas digunakan bagi menilai persamaan dan perbezaan dapatan daripada literatur terdahulu dan tafsir al-Quran (Al-Attas, 1991; Kamali, 2008). Akhir sekali, sintesis data dilakukan dengan menyatukan dapatan daripada sumber primer dan sekunder untuk membina rangka konsep pembangunan emosi sosial remaja yang berlandaskan al-Quran, sekaligus membolehkan pemahaman menyeluruh mengenai peranan al-Quran dalam pembentukan nilai dan etika sosial remaja (Ibn Kathir, 2000; Al-Ghazali, 2015).

4. Perbincangan

4.1 Peranan Al-Quran dalam Membentuk Etika Sosial Remaja dan Emosi Positif

Al-Quran memainkan peranan penting dalam membentuk etika sosial dan emosi positif remaja kerana ia menyediakan panduan menyeluruh yang merangkumi aspek moral, sosial, dan spiritual. Ajaran al-Quran menekankan nilai-nilai seperti kejujuran, tanggungjawab, hormat, kasih sayang, dan keadilan yang menjadi asas kepada interaksi sosial yang harmonis (Ibn Kathir, 2000; Al-Ghazali, 2015). Surah Al-Hujurat [49:13] menegaskan kepentingan menghormati hak dan martabat manusia lain tanpa mengira latar belakang, sekaligus membentuk kesedaran sosial yang tinggi dalam kalangan remaja (Kamali, 2008). Kajian moden menunjukkan bahawa remaja yang menghayati nilai-nilai al-Quran dalam kehidupan seharian lebih cenderung menunjukkan emosi positif, seperti empati, kesabaran, dan kawalan diri, serta mengekalkan hubungan interpersonal yang baik dengan rakan sebaya dan ahli keluarga (Hashim & Yusof, 2017; Santrock, 2019). Oleh itu, penerapan ajaran al-Quran bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan rohani remaja tetapi juga membentuk mereka menjadi individu yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab dalam masyarakat.

Al-Quran mengandungi pelbagai ayat yang menekankan pentingnya nilai sosial yang luhur dalam membina masyarakat. Antaranya ialah aspek kejujuran, Allah SWT berfirman:

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤٢﴾

Terjemahan: *"Dan janganlah kamu mencampur-adukkan yang benar itu dengan yang salah, dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya."*

(Surah Al-Baqarah: 42)

Ayat ini menunjukkan larangan Allah SWT supaya jangan mencampurkan yang benar dengan yang salah. Kalimah تَلْبِسُوا daripada kata dasar ل ب س yang bermaksud memakai pakaian, menutup tubuh, menutup, sesuatu yang dipakai pada tubuh, keliru, menjadikan sesuatu samar-samar, menyibukkan diri dengan sesuatu, melibatkan diri dengan sesuatu serta mencampurkan sesuatu. Jika berkaitan dialog dalam membetulkan sesuatu keadaan misalnya hendaklah menjelaskan tanpa berselindung. Para remaja juga perlu menolak budaya menipu untuk kelihatan hebat di media sosial. Mereka hendaklah menegakkan kebenaran walaupun tidak terkenal di kalangan rakan serta mengamalkan ketelusan dalam hubungan dan tanggungjawab seperti menjalankan tugas sekolah, kerja sosial dalam komuniti.

Al-Quran juga mendidik remaja untuk mengenali, mengawal dan menzahirkan emosi secara berhemah. Antara nilai utama yang ditanamkan ialah sabar, syukur, redha dan kasih sayang. Nilai-nilai ini membantu remaja mengurus tekanan, mengelakkan sifat marah berlebihan serta menghindari kemurungan. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Ra'd ayat 28: *"Ketahuilah bahawa dengan mengingat Allah hati menjadi tenang."* Ayat ini menjadi asas kepada kestabilan emosi remaja yang sentiasa berhubung dengan Allah melalui zikir dan tadabbur Al-Quran.

4.2 Sikap Hormat Terhadap Ibu Bapa

Sikap hormat terhadap ibu bapa merupakan salah satu nilai teras dalam pembentukan akhlak remaja yang berperanan penting dalam memastikan kesejahteraan emosi dan keharmonian sosial keluarga. Dalam al-Quran, Allah SWT menekankan perintah untuk berbuat baik kepada ibu bapa dalam beberapa ayat, antaranya Surah Al-Isra' [17:23], yang menegaskan kepentingan menghormati dan memuliakan mereka sebagai manifestasi ketaatan kepada Allah (Ibn Kathir, 2000; Al-Ghazali, 2015). Allah SWT berfirman:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِذَا يَبْلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾

Terjemahan: *Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).*

(Surah Al-Isra': 23)

Ayat ini menegaskan hubungan tauhid dengan tanggungjawab sosial paling asas iaitu berbuat baik kepada ibu bapa. Allah SWT memerintahkan agar manusia menyembah-Nya sahaja, lalu menyusuli dengan seruan

kepada ihsan (berbuat baik) kepada ibu bapa. Ini menunjukkan bahawa akhlak terhadap manusia adalah kesinambungan akhlak terhadap Tuhan. Perkataan **إِحْسَانًا** meliputi perbuatan baik secara zahir dan batin, bukan sekadar tidak menyakiti, bahkan aktif berusaha menggembirakan mereka, menghormati kata-kata, dan menjaga maruah mereka.

Hadis Rasulullah SAW juga menegaskan bahawa keredaan Allah bergantung kepada keredaan ibu bapa, sekaligus menunjukkan kaitan langsung antara sikap hormat terhadap ibu bapa dengan pembangunan nilai moral remaja (Al-Bukhari & Muslim, 2008). Kajian menunjukkan bahawa remaja yang memupuk nilai hormat kepada ibu bapa cenderung memiliki emosi sosial yang stabil, lebih bertanggungjawab, dan menunjukkan tingkah laku prososial dalam interaksi keluarga dan masyarakat (Hashim & Yusof, 2017; Santrock, 2019). Oleh itu, penanaman sikap hormat terhadap ibu bapa bukan sahaja berperanan dalam pengukuhan nilai spiritual remaja, malah turut menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang harmonis.

Maka remaja hendaklah mengelak sikap biadab, menjawab kasar atau meninggikan suara terhadap ibu bapa. Sikap ini boleh mendedahkan diri kepada larangan Allah berdasarkan ayat di atas. Perkara ini adalah menjadi satu penghormatan kepada ibu bapa sebagai asas kepada disiplin sosial seperti hormat kepada guru, pihak berautoriti dan orang lebih tua. Remaja juga hendaklah menjaga waktu, adab bercakap dan keutamaan tanggungjawab rumah tangga jika sudah mendirikan rumah tangga.

4.3 Pembentukan Sosial dan Hubungan Sesama Manusia

Pembentukan sosial dan hubungan sesama manusia dalam kalangan remaja memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan emosi dan pembangunan jati diri yang seimbang. Al-Quran menekankan prinsip-prinsip interaksi sosial yang harmoni melalui nilai-nilai seperti tolong-menolong, empati, keadilan, dan saling menghormati (Ibn Kathir, 2000; Al-Ghazali, 2015). Surah Al-Hujurat [49:10] menegaskan bahawa orang beriman adalah bersaudara, dan semua Muslim dianjurkan untuk memelihara hubungan yang baik, mengelakkan perselisihan dan menyelesaikan konflik secara adil (Kamali, 2008). Kajian moden menunjukkan bahawa remaja yang menghayati prinsip al-Quran ini lebih cenderung mengamalkan tingkah laku prososial, mengekalkan hubungan yang positif dengan rakan sebaya dan masyarakat, serta memiliki kemahiran komunikasi dan pengurusan konflik yang baik (Hashim & Yusof, 2017; Santrock, 2019). Oleh itu, pembentukan sosial yang berasaskan ajaran al-Quran bukan sahaja menyokong kesejahteraan individu tetapi juga menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Nilai-nilai ini menjadi asas kepada interaksi sosial remaja yang sihat, beretika dan memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling. Allah SWT berfirman:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Terjemahan: *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.*

(Surah Al-Maidah: 2)

Ayat ini meletakkan dua prinsip utama dalam pembentukan sosial. Kerjasama dalam kebaikan dan taqwa serta penolakan kerjasama dalam kejahatan dan permusuhan. Dalam masyarakat moden, semangat kerjasama sering disalahgunakan seperti menyokong budaya buli, menyebarkan konten negatif atau membela kesalahan rakan atas dasar setia kawan. Al-Quran mengajarkan bahawa kerjasama hanya dibenarkan jika ia membawa kepada kebaikan dan perlu dihentikan jika ia menjurus kepada kemungkaran.

Oleh itu, remaja boleh menerapkan ibrah ayat ini dengan menyertai aktiviti kebajikan di sekolah dan komuniti. Aktiviti ini boleh melatih diri untuk menjadi sebahagian daripada pasukan yang membantu, bukan yang merosakkan. Remaja juga tahu menilai dan berani menolak ajakan kawan untuk melakukan maksiat jika memiliki kefahaman yang jelas. Selain kestabilan emosi, Al-Quran turut menekankan adab dan etika dalam pergaulan sosial. Konsep ukhuwah, ihsan, dan ta'awun yang diajarkan dalam Al-Quran membentuk remaja agar menjadi individu yang menghormati, menyayangi dan membantu sesama manusia. Surah Al-Hujurat ayat 10 menegaskan bahawa orang mukmin itu bersaudara, justeru mereka perlu mengelakkan permusuhan dan mengutamakan perdamaian. Nilai ini sangat relevan dalam membendung gejala sosial seperti buli, pergaduhan dan perpecahan dalam kalangan remaja.

4.4 Kisah-kisah Al-Quran Sebagai Model Sosial

Al-Quran bukan hanya menyampaikan hukum dan perintah secara literal, tetapi juga membentangkan kisah-kisah teladan sebagai kaedah tarbiah dan pembentukan akhlak yang amat berkesan. Pendekatan naratif dalam al-Quran bukan sekadar untuk hiburan tetapi menyampaikan mesej moral dan sosial yang menyentuh hati serta mudah difahami oleh pelbagai lapisan umur khususnya golongan remaja. Antara yang boleh menjadi contoh daripada kisah-kisah para nabi di dalam al-Quran ialah kisah nabi Yusuf a.s dan kisah Ashabul Kahfi. Nabi Yusuf dilihat sebagai model dalam aspek integriti, sabar dan menjaga maruah diri. Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِ يَوْهَمَ بِهَا لَوْلَا أَنْ رَأَى بُرْهَانَ رَبِّهِ ۖ كَذَلِكَ لِنَصْرِفَ عَنْهُ السُّوءَ وَالْفَحْشَاءَ ۚ إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُخْلَصِينَ ﴿٢٤﴾

Terjemahan: "Dan sebenarnya perempuan itu telah berkeinginan sangat kepadanya, dan Yusuf pula (mungkin timbul) keinginannya kepada perempuan itu kalaulah ia tidak menyedari kenyataan Tuhannya (tentang kejinya perbuatan zina itu). Demikianlah (takdir Kami) untuk menjauhkan dari Yusuf perkara-perkara yang tidak baik dan perbuatan-perbuatan yang keji, kerana sesungguhnya ia dari hamba-hamba Kami yang dibersihkan dari segala dosa".

(Surah Yusuf: 24)

Jika melihat akan kisah Nabi Yusuf a.s. tersebut, baginda telah menonjolkan keteguhan akhlak dalam menghadapi ujian syahwat dan tekanan sosial. Baginda terkenal dengan seseorang remaja yang berwajah tampan. Justeru baginda diuji dengan godaan wanita dalam suasana yang sangat sulit untuk menolak, namun Nabi Yusuf a.s. tetap memilih untuk menjaga maruah diri dan berpegang teguh pada nilai ketakwaan.

Demikian itu nilai utama yang boleh diambil ibrah terhadap pembangunan emosi remaja ialah remaja hendaklah memiliki sifat integriti dalaman yang kuat agar tidak mudah goyah dengan ujian walaupun dalam suasana tiada pengawasan manusia. Berdasarkan kisah Nabi Yusuf, remaja hendaklah memiliki keberanian untuk berkata "tidak" kepada godaan dan kemungkaran. Di dalam hati yang penuh keimanan akan kuat untuk menolak kemaksiatan atas keyakinan bahawa Allah sentiasa melihat. Keimanan ini akan menjadi benteng spiritual dalam menolak maksiat.

Realiti hari ini, seorang remaja juga di uji dengan tekanan rakan sebaya dalam isu seks bebas, budaya *couple*, pornografi dan media sosial. Justeru adalah penting untuk menjadi teladan kepada rakan sebaya dengan menolak godaan haram walaupun secara tersembunyi kerana menyedari bahawa harga diri dan maruah adalah lebih tinggi daripada pujian kosong serta keseronokan sementara. Manakala kisah Ashabul Kahfi pula memberikan ibrah tentang keteguhan iman dan prinsip remaja dalam masyarakat rosak. Allah SWT berfirman:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ ۖ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾

Terjemahan: "Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk.."

(Surah Al-Kahfi: 13)

Ashabul Kahfi adalah sekumpulan pemuda yang hidup dalam zaman pemerintah zalim yang menyeru kepada penyembahan selain Allah. Mereka dengan tegas menolak persekitaran tersebut, memilih untuk meninggalkan kemaksiatan demi memelihara aqidah dan prinsip hidup. Perjalanan mereka ke dalam gua adalah lambang pengorbanan demi mempertahankan kebenaran. Antara yang menjadi nilai ibrah adalah keteguhan iman walaupun bertentangan dengan kebenaran. Mereka sangat berani untuk menolak budaya sesat demi menyelamatkan iman. Mereka dilihat memiliki satu sikap yang sama iaitu introspektif dan spiritual yang kuat dalam mencari tempat yang aman untuk memperbaiki diri dan kembali kepada fitrah.

Justeru untuk mencapai pembangunan emosi remaja melalui kisah ini adalah remaja hendaklah berani menolak budaya buli, dadah, LGBT atau ekstremisme sosial yang semakin dinormalisasikan. Keberanian tersebut hendaklah utuh dalam menegakkan prinsip Islam walaupun dikritik atau diejek oleh rakan sebaya. Hal ini menyedarkan kita bahawa iman memerlukan perjuangan dan kadang-kadang memerlukan pengasingan diri untuk mencapai nilai terhadap hijrah ini.

4.5 Al-Quran Sebagai Terapi Jiwa Remaja Serta Peranan Institusi dan Ibu Bapa

Al-Quran berperanan sebagai terapi jiwa (spiritual therapy) bagi remaja dengan memberikan panduan moral, nilai etika, dan prinsip pengurusan emosi yang dapat mengurangkan tekanan, kebimbangan, dan krisis identiti (Ibn Kathir, 2000; Al-Ghazali, 2015). Bacaan dan tadabbur al-Quran membantu remaja menenangkan minda, membina kesabaran, dan mengukuhkan kesejahteraan rohani serta sosial, sekaligus menyokong perkembangan emosi positif. Peranan institusi pendidikan dan keluarga juga amat penting dalam memastikan penerapan nilai-nilai al-Quran berlaku secara sistematik. Institusi pendidikan Islam dapat mengintegrasikan program pembelajaran akhlak dan modul pembangunan emosi remaja, manakala ibu bapa memainkan peranan sebagai model teladan dalam menanam nilai hormat, kasih sayang, dan disiplin diri (Hashim & Yusof, 2017; Santrock, 2019). Dengan sokongan bersama al-Quran, institusi dan ibu bapa, remaja bukan sahaja dapat membentuk jati diri yang seimbang tetapi juga menjadi individu yang berakhlak mulia dan mampu mengekalkan hubungan harmoni dalam keluarga dan masyarakat.

Dalam menghadapi tekanan akademik, masalah keluarga atau krisis identiti, ramai remaja mengalami gangguan emosi seperti kebimbangan dan kemurungan. Al-Quran menawarkan terapi spiritual yang berkesan melalui bacaan, tadabbur dan penghayatan makna ayat-ayat Allah. Kajian menunjukkan bahawa remaja yang mengamalkan bacaan Al-Quran secara konsisten mempunyai tahap emosi yang lebih stabil dan positif kerana mereka memperoleh ketenangan dan rasa dekat dengan Allah SWT.

Pembentukan emosi sosial berasaskan Al-Quran tidak hanya bergantung kepada remaja itu sendiri, tetapi memerlukan peranan aktif ibu bapa, guru, dan institusi pendidikan. Program seperti kelas tahsin al-Quran, tadabbur remaja, dan usrah Quraniah boleh dijadikan satu cara untuk menanam nilai akhlak dan menguatkan rohani remaja. Ibu bapa pula perlu menunjukkan teladan dengan menjadikan Al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan seharian agar anak-anak terdorong mencontohinya.

4.6 Konsep Amar Ma'ruf dan Nahi Munkar dalam Konteks Remaja

Konsep Amar Ma'ruf dan Nahi Munkar merupakan prinsip penting dalam Islam yang menekankan tanggungjawab individu untuk menegakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat. Dalam konteks remaja, penerapan prinsip ini dapat membimbing mereka untuk membuat pilihan yang betul, mengelakkan tingkah laku negatif, dan memupuk nilai moral yang positif (Al-Qur'an, Surah Ali 'Imran [3:104]; Ibn Kathir, 2000). Kajian menunjukkan bahawa remaja yang memahami dan mengamalkan amar ma'ruf dan nahi munkar lebih cenderung menunjukkan tingkah laku prososial, empati, dan kawalan diri dalam interaksi sosial (Hashim & Yusof, 2017; Santrock, 2019). Peranan pendidikan Islam dan bimbingan ibu bapa juga penting dalam memastikan konsep ini difahami dan diamalkan secara praktikal dalam kehidupan harian, sekaligus membina jati diri remaja yang berakhlak mulia dan berintegriti (Al-Attas, 1991; Kamali, 2008). Dengan demikian, amar ma'ruf dan nahi munkar bukan sahaja membentuk disiplin moral individu tetapi juga menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang harmonis dan sejahtera.

Al-Quran memerintahkan umat Islam untuk saling memperingatkan antara satu sama lain. Dengan konsep Amar ma'ruf (menyeru kepada kebaikan) dan nahi munkar (mencegah kemungkaran), dapat membina remaja yang lebih berani menegakkan kebenaran, mengelakkan pengaruh buruk dan menyumbang kepada pembinaan masyarakat sejahtera. merupakan prinsip penting dalam ajaran Islam yang terkandung dalam pelbagai ayat al-Quran, di antaranya Allah SWT berfirman:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ يُولُوا أَمْرًا أَهْلَ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا
لَّهُمْ يَنْهَوْنَ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Terjemahan: "Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik".

(Surah Ali Imran: 110)

Ayat di atas menunjukkan konsep ini bukan hanya berkaitan dengan urusan politik mahu pun sosial, tetapi turut merangkumi aspek pendidikan jiwa dan pembangunan emosi terutamanya dalam kalangan remaja yang sedang melalui proses pembentukan identiti dan kestabilan perasaan. Remaja merupakan fasa transisi antara kanak-kanak dan dewasa yang dicirikan oleh perubahan hormon dan emosi yang ketara, peningkatan keinginan untuk diterima oleh rakan sebaya, pencarian identiti diri dan makna hidup serta ketidaktentuan dalam membuat keputusan moral. Jika tidak dibimbing dengan nilai dan panduan yang jelas, remaja cenderung untuk mengalami tekanan emosi, konflik dalaman, dan keruntuhan akhlak.

Konsep *Amar makruf* juga membantu menstabilkan emosi remaja kerana ia telah mendorong untuk melakukan kebaikan secara proaktif seperti membantu rakan, menyertai kerja sukarelawan atau menegur dengan hikmah. Mereka juga terasa bermakna dan dihargai apabila dapat menyumbang kepada masyarakat. Secara tidak langsung ia telah membangunkan emosi positif seperti kasih sayang, empati, syukur dan kebanggaan diri. Contohnya seorang pelajar yang aktif dalam memberi motivasi atau tazkirah kepada rakan-rakannya akan cenderung merasa lebih stabil emosi kerana dapat menyalurkan tenaga dan idea ke arah sesuatu yang bermanfaat.

Manakala *Nahi Munkar* berfungsi untuk mengawal emosi negatif terhadap remaja. Hal ini boleh dilihat apabila remaja mampu mengenalpasti dan mengawal dorongan emosi negatif seperti marah, benci, dendam, dan desakan syahwat. Selain itu ia dapat membangunkan daya kawalan diri untuk menolak ajakan maksiat, buli, atau

pengaruh rakan sebaya yang negatif. Perkara sedemikian akan memberi kesedaran bahawa mencegah kejahatan bukan hanya untuk orang lain, tetapi juga untuk melindungi kestabilan diri dan masyarakat. Sebagai contoh seorang remaja yang menolak ajakan kawan-kawan ke pesta liar kerana faham bahaya tersebut bukan sahaja kepada akhlak tetapi juga kepada ketenangan jiwa dan keselamatan nilai.

Dalam psikologi moden, pembangunan emosi dikenali sebagai kecerdasan emosi (EQ) yang melibatkan aspek mengenali emosi diri sendiri, mengawal emosi secara sihat, berempati kepada orang lain dan bertindak dengan bijak secara sosial. Oleh itu Amar Makruf dan Nahi Munkar adalah cara untuk membentuk kecerdasan emosi (EQ) secara islam kerana ia berasaskan wahyu. Latihan ini dilihat berkesan kepada remaja dalam mengenali nilai baik dan buruk, bertindak atas dasar taqwa, bukan tekanan sosial serta menjadi agen perubahan yang positif dalam komuniti.

Oleh itu, amar makruf dan nahi Munkar dilihat memberi kesan terhadap pendidikan remaja antaranya untuk membantu remaja mengurus tekanan sosial dan emosi dengan nilai Islam. Remaja juga dapat menjalankan peranan mereka agar aktif dalam membentuk komuniti, bukan sekadar menjadi pemerhati. Membina keyakinan diri, kepekaan sosial, dan keseimbangan spiritual. Aktiviti seperti menganjurkan aktiviti kesukarelawanan, projek anti-buli atau kempen adab media sosial serta latihan kepimpinan berteraskan nilai Qurani dilihat boleh menjadi ruang yang sangat efektif untuk membangun emosi sihat dan stabil para remaja berteraskan nilai amar ma'ruf dan nahi munkar.

5. Kesimpulan

Al-Quran bukan sekadar kitab untuk dibaca sahaja, tetapi juga merupakan sumber pendidikan sosial yang menyeluruh dan relevan sepanjang zaman. Dalam konteks cabaran etika sosial remaja pada era moden ini, al-Quran perlu dimartabatkan sebagai rujukan utama dalam pembinaan sahsiah dan pengukuhan emosi positif mereka (Ibn Kathir, 2000; Al-Ghazali, 2015). Nilai-nilai yang terkandung di dalam al-Quran seperti tolong-menolong, menghormati ibu bapa, amanah, tanggungjawab sosial, serta prinsip amar ma'ruf dan nahi munkar merupakan asas penting untuk melahirkan generasi remaja yang bukan sahaja cemerlang secara individu, tetapi juga mampu menyumbang kepada kesejahteraan dan keharmonian masyarakat (Al-Attas, 1991; Kamali, 2008).

Keberkesanan nilai-nilai ini akan lebih terserlah apabila diterjemahkan dalam kehidupan seharian remaja melalui pemodelan sahsiah para rasul dan tokoh teladan Islam, yang dapat membimbing remaja dalam mengurus emosi, membuat keputusan yang tepat, dan mengekalkan tingkah laku prososial sepanjang fasa perkembangan mereka (Santrock, 2019; Hashim & Yusof, 2017). Oleh itu, pembinaan sahsiah remaja tidak boleh hanya bergantung kepada usaha individu semata-mata, tetapi memerlukan kerjasama bersepadu antara ibu bapa, pendidik, dan institusi pendidikan Islam untuk memastikan al-Quran benar-benar menjadi sumber rujukan utama dalam pembentukan akhlak dan jati diri remaja.

Kesimpulannya, penerapan nilai-nilai al-Quran dalam kehidupan remaja bukan sahaja memupuk keperibadian yang bertakwa dan berakhlak mulia, tetapi juga membina generasi yang berdaya saing secara intelektual, sosial, dan spiritual, sekaligus mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan harmoni. Penekanan berterusan terhadap pendidikan al-Quran, bimbingan moral, dan teladan dari ibu bapa serta institusi adalah kunci bagi memastikan proses pembentukan ini berjaya, bertakwa dan berakhlak mulia.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Pengurusan Tertinggi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) di atas keizinan dan kepercayaan kepada kami untuk menulis artikel ini. Penghargaan ini turut dirakamkan kepada Penerbit UTHM kerana menerima artikel ini untuk diterbitkan melalui *Journal of Quranic Sciences And Research*. Artikel ini merupakan salah satu artikel yang telah dibentangkan sempena Persidangan Antarabangsa Pengajian Peradaban Islam kali ke-11 (IConICS 2025) anjuran Universiti Islam Selangor (UIS) pada 13 Ogos 2025 bertemakan Pendekatan Islam dalam Mendepani Isu-isu Kontemporari.

Konflik Kepentingan

Pengkaji mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan mengenai penerbitan kertas kajian ini ke atas diri pengkaji mahupun mana-mana pihak lain.

Sumbangan Penulis

Amrina Rasyada binti Kamaruzaman bertanggungjawab menentukan skop kajian, metodologi kajian dan mengalisis data yang berkaitan. Shahnun binti Haji Musa bertanggungjawab mendapatkan data berkaitan sorotan kajian lepas berkaitan emosi remaja. Nur Aina Mardhiah binti Che Rahim bertanggungjawab mendapatkan dalil, menyemak serta membuat huraian. Siti Nuroni binti Mohamed dan Nur Sabila binti Ramli bertanggungjawab mengumpul serta menganalisis data berkaitan emosi remaja. Implementasi penulisan ini adalah hasil kerjasama semua dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penulisan artikel ini.

Rujukan

- Al-Karim, A. Q. (2020). Karya Bestari Sdn Bhd. Cetakan ke,10.
- Al-Attas, S. M. N. (1991). *The concept of education in Islam*. ISTAC.
- Al-Ghazali. (2015). *Ihya' 'Ulum al-Din* (Vol. 3). Dar al-Kotob al-Ilmiyah. (Edisi moden, digunakan meluas dalam penyelidikan etika & penyucian jiwa)
- Alu Syaikh, A. M. (2017). Tafsir Ibn Katsir, Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i
- Amrina Rasyada Kamaruzaman, Nur Aina Mardhiah Che Rahim, Noor Fatimah Mujahid, & Noorhanis Amran. (2022). Penghayatan Prinsip Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan dalam Kalangan Wanita Berkerjaya di Kelantan: Satu Penilaian: The Acknowledge of The Principle of Ubudiyyah, Mas'uliyah And Itqan Among Career Women in Kelantan: An Assessment. RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge, 3(2), 97-114. Retrieved from <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/252>
- Erikson, E. H. (1968). Identity: Youth and crisis. W. W. Norton & Company.
- Fitri, E., Zola, N., & Ifdil, I. (2018). Profil kepercayaan diri remaja serta faktor-faktor yang mempengaruhi. JPPI (Jurnal Penelitian Pendidikan Indonesia), 4(1), 1-5.
- Fuadi, A. (2018). Studi Islam (Islam Eksklusif dan Inklusif). Jurnal Wahana Inovasi, 7(2), 49-55.
- Hashim, I., & Yusof, N. (2017). Pengaruh persekitaran sosial terhadap masalah sosial remaja. Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, 18, 45-58.
- Hashim, I., & Yusof, N. (2017). Pengaruh persekitaran sosial terhadap masalah sosial remaja. Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, 18, 45-58.
- Ibn Kathir, I. (2000). Tafsir Ibn Kathir (Abridged ed.). Darussalam.
- Illahi, U., Neviyarni, N., Said, A., & Ardi, Z. (2018). Hubungan antara kecerdasan emosi dengan perilaku agresif remaja dan implikasinya dalam bimbingan dan konseling. JRTI (Jurnal Riset Tindakan Indonesia), 3(2), 68-74.
- Jasmi, Kamarul Azmi; Md Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani; Razali, Siti Suraini. 2017. Peranan Islam dalam Membentuk Peribadi Remaja Cemerlang in Remaja Hebat Siri 2: Akhlak Sebagai Dasar Pembangunan Remaja Muslim, p. 1-18, ISBN: 978-983-52-1377-9
- Kamali, M. H. (2008). Shari'ah law: An introduction. Oneworld Publications. (Membincangkan prinsip etika dan nilai sosial daripada perspektif Islam)
- Kamaruzaman, A. R., & Nasir, K. (2022). Sorotan Kajian Terhadap Hubungan antara Prestasi Pelajar dalam Mata Pelajaran Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah serta Pencapaian Pelajar dalam Penulisan Jawi. RABBANICA – Journal of Revealed Knowledge, 3(1), 59-71. Retrieved from <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/216>
- Kamus Dewan Edisi Kedua, 2016. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kassim, Z., & Mohd Yusoff, Z. (2018). Cabaran sosial dalam kalangan remaja masa kini: Satu analisis. Jurnal Psikologi & Kaunseling, 25(1), 15-28.
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. (2022). Dasar Belia Malaysia. Putrajaya: KBS.
- Nazim, A. M., Shama, F., & Hamjah, S. H. (2013). Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur. Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies, 35(1).
- Nur Aina Mardhiah Che Rahim, Noor Fatimah Mujahid, Amrina Rasyada Kamaruzaman, & Nurul Widad Fitri Muhammad. (2022). Kajian Kefahaman & Penghayatan Penjawat Awam di Kelantan Terhadap Prinsip UMI: Study of Understanding & Acknowledge of Civil Servants in Kelantan Towards the Principle of UMI. RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge, 3(2), 115-136. Retrieved from <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/253>

- Nur Syuhada Mohd Subri, Siti Nuroh Mohamed, Amrina Rasyada Kamaruzaman & Nur Aina Mardhiah Che Rahim. (2024). Analisis Fiqh al-Hadis Terhadap Golongan Transgender dalam Aspek Pencegahan [Analysis of Fiqh al-Hadith Regarding Transgender Groups in Aspect of Prevention]. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences 7(2):203-214.
- Papalia, D. E., & Martorell, G. (2021). Experience human development (14th ed.). McGraw-Hill Education.
- Santrock, J. W. (2019). Adolescence (17th ed.). McGraw-Hill Education.
- Shahnun Haji Musa, Amrina Rasyada Kamaruzaman, Nur Aina Mardhiah Che Rahim, & Noor Fatimah Mujahid. (2022). Pendidikan Emosi Terhadap Kanak-Kanak Berdasarkan Ayat 13-19 Surah Luqman: Emotional Education for Children Based on Verses 13-19 of Surah Luqman. RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge, 3(2),31-49. Retrieved from <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/247>
- Umami, I. (2019). Psikologi remaja.
- Ustman Najati, M. (2001). *Al-Quran wa Ilmu al-Nafsi*.